

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH :

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah kutipan yang diterima daripada pengunjung ke hutan FRIM di seluruh negara mengikut tahun dan nama hutan bermula dari tahun 2011 dan sama ada kutipan tersebut boleh dikecualikan daripada GST bagi tujuan menggalakkan orang awam melawat hutan-hutan FRIM.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hutan FRIM yang terletak di Kepong adalah di bawah kategori hutan penyelidikan dengan keluasan 544.3 hektar di atas tanah yang telah diberikan milikan kepada Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (MFRDB) pada tahun 2007 dan mendapat taraf hak milik kekal pada 4 April 2012. Hanya hutan di kampus FRIM, Kepong sahaja dikenakan kutipan untuk pengunjung.

Jumlah kutipan yang diterima daripada pengunjung ke kampus FRIM pada tahun 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut:

Tahun	Kutipan (RM)
2011	189,424.00
2012	272,430.00
2013	316,523.00
2014	368,081.00
2015 (Sehingga 30 April 2015)	125,240.20

FRIM sebagai badan berkanun di bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia yang telah berdaftar GST dan bertanggungjawab mengenakan GST ke atas semua perkhidmatan yang dihasilkan termasuk bayaran fi masuk pengunjung. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan tersebut digunakan untuk menanggung kos-kos penyelenggaraan dan membaik pulih kemudahan dan infrastruktur yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan pengunjung dan pelawat di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.